

PENGENALAN SALT

Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) adalah satu daripada pensijilan yang terdapat di bawah Skim Pensijilan DVS. Pensijilan SALT ini berlandaskan kepada konsep ternakan yang sihat dan diurus dengan amalan yang baik. Kriteria untuk mendapatkan pengiktirafan SALT adalah berdasarkan kepada *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)* MS 2027:2006 dimana merangkumi program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari dan program pengurusan sisa ladang dan pencemaran.

Perlaksanaan SALT juga berbandukan buku-buku panduan Amalan Penternakan yang Baik mengikut komoditi ternakan iaitu siri GAHP 1 – 12. Ia meliputi jenis ternakan termasuk lembu pedaging, lembu tenusu, ayam pedaging, ayam penelur, ayam baka, burung walit, kambing dan bebiri. SALT dilaksanakan sebagai usaha untuk mewujudkan standard amalan sanitari ladang ternakan yang tinggi dan bertaraf antarabangsa serta mampu meningkatkan keselamatan makanan yang dihasilkan dari ternakan.

Skim ini mula diperkenalkan pada tahun 2003 selaras dengan program Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam Guide for Good Agriculture Practice (GAP) @ Amalan Pertanian Baik (APB) bagi skim persijilan ladang.